

Budak bawah usia 5 tahun kekurangan nutrisi naik 0.3 peratus

Kuala Lumpur: Jumlah kanak-kanak bawah usia lima tahun mengalami kekurangan nutrisi yang teruk meningkat sedikit kepada 0.3 peratus pada tahun lalu berbanding 0.2 peratus pada tahun sebelumnya.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata melihat kepada aspek kesihatan, indikator kekurangan nutrisi yang dilaporkan dalam perangkaan berkenaan adalah berdasarkan kanak-kanak berusia bawah lima tahun yang hadir ke fasiliti kesihatan negara ini.

“Kanak-kanak negara ini yang berusia di bawah lima tahun yang mengalami kekurangan nutrisi yang sederhana turut meningkat daripada 0.1 peratus kepada 1.4 peratus tahun lalu, berbanding 1.3 peratus pada 2021.

Komposisi kanak-kanak di bawah usia lima tahun adalah berjumlah 2.35 juta dengan 1.21 juta kanak-kanak lelaki dan 1.14 juta kanak-kanak perempuan.

“Kumpulan umur ini membatikan 25.7 peratus daripada jumlah kanak-kanak di Malaysia,” katanya dalam kenyataan semalam.

Dalam pada itu, statistik juga menunjukkan jumlah kanak-kanak yang terbabit dengan jenayah tahun lalu pula menunjukkan penurunan sebanyak 12.8 peratus iaitu 3,013 kes berbanding 3,457 kes pada 2021.

“Manakala, bilangan kes jenayah seksual yang membatikan kanak-kanak meningkat 9.5 peratus tahun lalu dengan 1,621 kes berbanding 1,481 kes pada 2021,” katanya.

Beliau berkata berdasarkan anggaran penduduk negara tahun ini, jumlah kanak-kanak bawah usia 18 tahun ialah 9.13 juta membatikan 27.4 peratus daripada jumlah penduduk Malaysia, 33.38 juta.

Katanya, bilangan kanak-kanak lelaki dan perempuan di bawah usia 18 tahun masing-masing adalah 4.72 juta dan 4.42 juta.

Beliau berkata, Putrajaya merekodkan peratusan tertinggi kanak-kanak bawah 18 tahun tahun ini iaitu 41.1 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk Putrajaya, yang berjumlah 120,000.

“Ia diikuti oleh Kelantan (34.4 peratus) dan Terengganu (33.5 peratus),” katanya.

“Kuala Lumpur mencatatkan peratusan terendah iaitu 22.6 peratus. Selangor merekodkan bilangan kanak-kanak di bawah usia 18 tahun tertinggi iaitu 1.81 juta, diikuti Johor (1.11 juta) dan Sabah (1.10 juta),” katanya.